



**Anggota
Jabatan
Imigresen
Melaka
(tengah)
diperintah
reman selama
tiga hari** bagi
membantu
siasatan kes
rogol tahanan
wanita warga
Thailand awal
bulan ini.

Pegawai imigresen direman 3 hari kes rogol tahanan

BERITA HAKIAN 26/3/17 m/s 64

Ayer Keroh: Seorang pegawai Jabatan Imigresen Melaka diperintah reman selama tiga hari bagi membantu siasatan kes rogol tahanan wanita warga Thailand di negeri ini, awal bulan ini.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Mohd Firdaus Saleh terhadap suspek yang berusia 31 tahun itu bermula semalam sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan atas kesalahan merogol.

Suspek diwakili peguam bela, Nahdan Rengganathan Abdullah.

Mangsa warga Thailand

Akhtar sebelum ini melaporkan, seorang tukang urut warga Thailand berusia 32 tahun mendakwa dirogol ketika ditahan di Depoh Tahanan Machap Umboo, Alor Gajah, pada 9 Mac lalu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Ruslan Hassan, ber-

kata suspek ditahan di pejabat Jabatan Imigresen, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, di sini, kira-kira jam 5.30 petang, kelmarin.

“Kita juga akan menyiasat berhubung dakwaan persetubuhan luar tabii berdasarkan laporan doktor yang membuat pemeriksaan terhadap mangsa,” katanya selepas merasmikan Perbarisan Peringatan Hari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, di sini, semalam.